

**UJARAN BERIMPLIKATUR DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN**

MOHD ARIS BIN ANIS

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**UJARAN BERIMPLIKATUR DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN**

MOHD ARIS BIN ANIS

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

APRIL 2017

DEDIKASI

Untuk ayah ibu tersayang.
segala bakti sucimu tetap dalam ingatan
mengajar erti kesukaran dan kepayahan
serta kesabaran dalam mengharungi
liku-liku kehidupan

Untuk isteri dan anak-anak
Fathillah, Nurul Hazira, Muhamad Faizul Hakim dan Muhamad Khairul Ihsan
yang menjadi sumber inspirasi dan penyeri hidup
serta gigih memberi semangat
untukku terus berusaha

Untuk rakan-rakan seperjuangan
tunjuk ajar kalian menjadi panduan
nasihat kalian menjadi pegangan
kritikan kalian menjadi ingatan
dalam memburu sebuah harapan

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk dan hidayah.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada Profesor Dr. Haji Ahmad bin Esa, penyelia tesis atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Kesudian dan kesediaan beliau meluangkan masa, memberi bimbingan dan nasihat yang bernas telah membantu dan memudahkan saya menyiapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Ketua Jabatan Pengajian Melayu serta rakan-rakan pensyarah Jabatan Pengajian Melayu yang sentiasa memberi semangat dan dorongan serta membantu saya dalam menyelesaikan kajian yang dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan kata-kata perangsang serta membantu saya menyelesaikan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga atas sokongan anda. Semoga Allah membalas segala jasa baik anda dengan penuh keberkatan.

Akhir sekali saya merafaikkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi yang memberi petunjuk dan hidayah kepada saya dalam menyelesaikan kajian ini

ABSTRAK

Kajian tentang teks Sulalatus Salatin telah banyak dilakukan tetapi fokus kajian lebih kepada pemikiran yang terkandung dalam teks tersebut. Kajian yang berkaitan dengan ujaran berimplikatur dan nilai Melayu dalam ujaran menggunakan data korpus ini masih belum diteroka. Kelompangan tersebut diisi melalui kajian ini. Kajian Kualitatif ini menggunakan Teori Relevans (TR) sebagai landasan dan menjadikan data korpus sebagai data primer. Data diperoleh daripada teks Sulalatus Salatin yang diselenggara oleh A. Samad Ahmad. Semua ujaran berimplikatur yang ditemukan dalam teks yang mengandungi 15 bab ini dikategorikan mengikut medan makna dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Medan makna yang dibentuk ialah Kesetiaan, sindiran, perbandingan, permintaan, kehebatan, optimis, ancaman, kekecewaan, kesedaran, ketidakpastian, tuah dan kemesraan. Daripada 217 ujaran berimplikatur yang ditemui, 21.6 peratus terletak di bawah medan makna kesetiaan, 16.3 peratus sindiran, 13.4 peratus perbandingan, 10.6 peratus permintaan, 9.7 peratus kehebatan, 7.8 peratus optimis, 7.4 peratus ancaman, 5.1 peratus kekecewaan, 3.2 peratus kesedaran, 2.7 peratus ketidakpastian, 1.8 peratus tuah dan 0.5 peratus kemesraan. Daripada data, ujaran berimplikatur yang digunakan oleh orang Melayu untuk menunjukkan kesetiaan adalah tinggi berbanding dengan yang lain. Proses pencarian makna sebenar melibatkan proses kognitif dan proses ini dipandu oleh TR. Pemanfaatan konsep *ad peluasan* dan Rangka Rujuk Silang (RRS) terbukti dapat membantu pendengar menyelesaikan masalah kekaburan makna dalam ujaran yang disampaikan. Di samping itu, kajian ini juga mendapati penggunaan ujaran berimplikatur mempunyai dua tujuan iaitu tujuan positif dan negatif. 75 peratus mempunyai tujuan positif dan 25 peratus negatif. Kajian juga mendapati, dalam ujaran berimplikatur terdapat nilai Melayu seperti nilai taat setia, nilai hormat, nilai akauntabiliti dan integriti dan nilai maruah. Kajian ujaran berimplikatur ini memberi petunjuk bahawa orang Melayu bersifat kreatif dan peka kepada persekitaran ketika menyampaikan ujaran.

ABSTRACT

The study of the text *Sulalatus Salatin* has much been done with more focus on the thoughts contained in the text. Studies related to utterance implicature and the Malay values in the utterance using corpus data is still untapped. The gaps are filled through this study. This qualitative study uses the Theory of Relevance (TR) as the foundation and uses the corpus data as the primary data. The data is obtained from the text *Sulaltus Salatin*, maintained by A. Samad Ahmad. All utterance implicatures found within the 15 chapters of this text are categorized according to the meaning field using the software ATLAS.ti. The meaning fields formed are loyalty, satire, comparison, demand, power, optimistic, threats, disappointment, awareness, uncertainty, luck and warmth. of the 217 utterance implicatures found, 21.6 percent are under the meaning of loyalty, 16.3 percent of satire, 13.4 percent of comparison, 10.6 percent of demand, 9.7 percent of power, 7.8 percent of optimistic, 7.4 percent of threats, 5.1 percent of disappointment, 3.2 percent of awareness, 2.7 percent of uncertainties, 1.8 percent of luck and 0.5 percent of intimacy. From the data, utterance implicatures used by the Malays to show loyalty is high in comparison to the other meaning fields. Cognitive process is involved in finding the true meaning as guided by the Theory of Relevance. The concept of ad extension and Frame Cross References (RRS) are proven to help listeners solve the problem of ambiguity in the utterances delivered. In addition, this study also found that the use of utterance implicatures has both the positive and negative purposes. 75 percent have positive goals and 25 percent have negative ones. The study also found in the utterance implicatures the Malay values of loyalty, respect, accountability, integrity and dignity. This study of utterance implicatures indicates that the Malays are creative and sensitive to the environment while delivering their utterances.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	
	SENARAI RAJAH	
	SENARAI SINGKATAN	
	SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar belakang	2
	1.3 Pernyataan masalah	5
	1.4 Objektif kajian	6
	1.5 Soalan kajian	6
	1.6 Kepentingan kajian	6
	1.7 Skop kajian	9
	1.8 Batasan kajian	9
	1.9 Kerangka teori	10
	1.10 Definisi istilah	11

1.10.1	Ujaran	12
1.10.2	Implikatur	13
1.10.3	Sulalatus Salatin	14
1.11	Teori Relevans	15
1.11.1	Konteks	16
1.11.2	Kesan konteks	17
1.11.3	Kos memproses	20
1.12	Konsep <i>Ad Hoc</i>	25
1.13	Rangka Rujuk Silang	28
1.14	Kesimpulan	30
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	31
2.2	Kajian-kajian lepas	32
2.2.1	Kajian Berdasarkan Data Korpus	32
2.2.1.1	Puisi	32
2.2.1.2	Bahasa kiasan	37
2.2.1.3	Teks klasik	42
2.2.1.4	Novel	43
2.2.1.5	Novel terjemahan	43
2.2.1.6	Data korpus bertulis lain	44
2.2.2	Data korpus lisan	47
2.2.3	Data bersumberkan kajian lapangan	52
2.3	Analisis kritis	57
2.3.1	Data kajian	57
2.3.1.1	Puisi	57

	2.3.1.2	Bahasa kiasan	58
	2.3.1.3	Teks klasik dan novel	59
	2.3.1.4	Data korpus lisan	60
	2.3.1.5	Data kajian lapangan	62
	2.3.2	Teori yang digunakan	64
	2.3.3	Kaedah Analisis Data	65
2.4		Kajian ujaran berimplikatur berdasarkan teks	67
2.5		Kesimpulan	67
BAB 3	METODOLOGI		
3.1		Pendahuluan	69
3.2		Kaedah kajian	69
	3.2.1	Kaedah Pustaka	69
	3.2.2	Analisis Teks	70
3.3		Kaedah pengumpulan data	71
3.4		Pengekodan data	74
3.5		Statistik umum data	76
3.6		Rasional pemilihan data korpus	77
3.7		Teks: Rasional pemilihan sebagai sumber data	79
3.8		Teks kajian	79
3.9		Sinopsis teks Sulalatus Salatin	80
3.10		Penganalisan data	81
3.11		Analisis data ujaran berimplikatur	82
3.12		Kesimpulan	88

BAB 4 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

4.1	Pendahuluan	90
4.2	Rasional penggunaan implikatur	90
4.3	Pewujudan implikatur	94
4.4	Ujaran berimplikatur sebagai satu kemahiran Bahasa	95
4.4.1	Urutan penggunaan implikatur	96
	4.4.1.1 Penggunaan secara tunggal	96
	4.4.1.2 Penggunaan secara bersiri	96
4.4.2	Paparan sikap	97
	4.4.2.1 Kekuasaan dan kehebatan	97
	4.4.2.2 Menurut perintah	99
4.4.3	Kesantunan berbahasa	101
4.5	Implikatur sebagai strategi menyampaikan maksud Tersirat	106
4.6	Pemilihan ayat	108
4.7	Data dan pengkategorian medan makna	111
	4.7.1 Data pilihan	115
4.8	Tujuan penggunaan ujaran berimplikatur	175
4.9	Nilai Melayu dalam ujaran berimplikatur	182
	4.9.1 Nilai taat setia	183
	4.9.2 Nilai hormat	185
	4.9.3 Nilai akauntabiliti dan integriti	186
	4.9.4 Nilai maruah	188
4.10	Kesimpulan	190

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	192
5.2	Perbincangan dapatan kajian	192
5.2.1	Ujaran berimplikatur dan tujuan penggunaannya	192
5.2.1.1	Tujuan positif	194
5.2.1.2	Tujuan negatif	195
5.2.2	Ujaran berimplikatur dan nilai Melayu	196
5.3	Dapatan Lain	202
5.3.1	Ujaran berimplikatur kekal relevan	203
5.3.2	Ujaran berimplikatur sering menggunakan unsur alam	204
5.3.3	Ujaran berimplikatur dihasilkan oleh individu berfikiran kreatif	205
5.3.4	Implikatur menjadi pemangkin kepada kesantunan berbahasa	206
5.4	Implikasi kajian	208
5.5	Cadangan kajian masa hadapan	211
5.6	Kesimpulan	212
	RUJUKAN	214
	LAMPIRAN	226
	VITA	

SENARAI JADUAL

3.1	Bilangan Ujaran Berimplikatur Mengikut Bab	76
4.1	Tujuan Penggunaan Ujaran Berimplikatur	176

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Teori	11
1.2	Usaha Memproses dan Kerelevanan Ujaran	21
3.1	Pengumpulan Data	72
3.2	Data Mengikut Bab	73
3.3	Tema yang Dibina	75
3.4	Peratus Ujaran Berimplikatur Mengikut Bab	77
3.5	Proses Penganalisan Data	83
4.1	Penggunaan Ujaran Berimplikatur Berdasarkan Status Sosial	95
4.2	Penggunaan Jenis Ayat Dalam Ujaran Berimplikatur	111
5.1	Tujuan Penggunaan Ujaran Berimplikatur	193

SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ISTILAH

SS	-	-	Sulalatus Salatin
TR	-	-	Teori Relevans
UNESCO	-	-	United Nation of Education, Science and Cultural Organisation
RRS	-	-	Rangka Rujuk Silang

LAMPIRAN

A	Quotation Ujaran Berimplikatur	226
---	--------------------------------	-----

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Implikatur merupakan salah satu aspek dalam bidang pragmatik yang semakin mendapat perhatian pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian tentang makna. Kajian mengenainya merangkumi pelbagai sudut, persepsi dan dimensi ilmu. Konsep implikatur adalah bertujuan untuk menghuraikan persoalan makna bahasa yang tidak dapat diselesaikan menggunakan teori semantik. Implikatur merupakan ilmu yang mengkaji pertuturan dalam konteks serta makna. Di samping itu, implikatur boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pentafsiran makna yang melewati makna lateral sesebuah ayat (Raja Ahmad dan Zainon Hamzah, 2015). Oleh sebab kajian mengenai implikatur ini semakin mendapat tempat di hati pengkaji-pengkaji, terhasil pelbagai interpretasi terhadap implikatur. Walau bagaimanapun, kesemua ahli pengkaji berpandangan bahawa implikatur digunakan untuk menentukan makna yang disarankan oleh penutur berbeza dengan yang diungkapkan secara harfiah.

Kajian-kajian implikatur kebanyakannya memberi fokus kepada implikatur dalam ujaran atau perbualan yang melibatkan dua pihak. Minat dan kecenderungan ini timbul kerana implikatur dalam perbualan mudah dikesan terutamanya ketika berlakunya perbualan antara pendengar dengan penutur. Namun, implikatur bukan sahaja wujud dalam ujaran malah boleh wujud dalam ucapan sehalu seperti ceramah, pidato dan sebagainya. Selain itu, implikatur juga boleh wujud dalam bentuk penulisan. Implikatur yang wujud dalam penulisan boleh dikesan daripada ayat-ayat yang digunakan oleh penulis dan dialog antara watak yang terdapat dalam sesebuah karya. Sehubungan dengan itu, penelitian tentang implikatur dalam penulisan boleh dianalisis dari aspek ujaran atau dialog yang digunakan oleh watak-watak dalam prosa, sama ada prosa moden atau prosa tradisional.

1.2 Latar belakang kajian

Perbincangan tentang implikatur telah bermula sejak Grice (1975) mempopularkan istilah tersebut. Seterusnya bidang ini mendapat perhatian beberapa orang ahli linguistik lain seperti Gazdar (1979) dan Carston (2002). Bidang ini semakin mendapat perhatian dan telah menarik minat sarjana-sarjana tempatan seperti Jalaluddin (1992), Omar (1991), Ibrahim (1999), Subet (1999), Zainon Hamzah, (2006), Abu Bakar (2009), Atan (2010), Sarif (2010), Hassan (2011), Ahmad (2013), Raja Mohamad (2015) dan Syed Syed Abdullah, (2015). Pengkaji-pengkaji Indonesia seperti Hadiati (2007) dan Sigian (2007) juga tidak ketinggalan menjalankan kajian yang berkaitan dengan makna dalam pertuturan. Selain itu terdapat juga sarjana-sarjana barat seperti Vivanco (2006) dari Sepanyol, Sauerland (2010) dari Jerman, Shazali Mustaffa (2010) dari Sudan juga membuat kajian dalam bidang tersebut. Dapatan kajian pengkaji-pengkaji terdahulu telah dapat memperkaya khazanah berkaitan bahasa. Hal ini merupakan indikator yang dapat menunjukkan bahawa terdapat ruang lingkup yang amat luas untuk mengkaji sesuatu aspek bahasa.

Implikatur adalah aspek ketersiratan makna sesuatu ujaran selain melihat hajat sebenar penutur terhadap ujaran yang disampaikan (Jacobsen, 2010). Dalam sesuatu ujaran, penutur akan menyampaikan mesej dengan sebaik yang mungkin. Penerima atau pendengar perlu memberi makna yang tepat kepada mesej penyampai supaya bertepatan dengan maksud penyampai. Namun begitu, kebiasaannya sesuatu mesej itu diberi interpretasi yang pelbagai. David (2008) mengatakan bahawa apabila berlaku ujaran berimplikatur, pendengar perlu mengisi kekosongan maklumat yang hilang atau tidak dinyatakan secara tersurat. Maklumat ini biasanya diisikan berdasarkan konteks atau pengalaman sebelumnya. Menurut Verschueren (1999), setiap ujaran yang eksplisit mengandungi maksud implisit. Kenyataan yang eksplisit biasanya mempamerkan makna praandaian. Proses inferensi akan berlaku daripada eksplisit dan akan menghasilkan makna implisit. Ujaran lisan mengandungi makna tidak terucap yang dinamakan sebagai maklumat asas dan bersifat eksplisit. Maklumat asas ini adakalanya dinamakan pengetahuan bersama-sama atau asas bersama-sama. Di sebalik ujaran eksplisit, munculnya makna implisit yang dapat juga dinamakan implikatur. Semua ujaran perlu ada maklumat asas ini untuk mencungkil maklumat implikatur yang tidak dilahirkan dengan nyata.

Seperti yang telah dinyatakan, implikatur adalah salah satu bahagian dalam pragmatik. Oleh yang demikian, kajian-kajian yang berkaitan dengan implikatur wajar dilihat dari sudut pragmatik kerana pragmatik mengkaji bagaimana ujaran mendapat makna apabila digunakan dalam keadaan tertentu (Leech, 1993). Di samping itu, pragmatik mengutamakan penginterpretasian makna ujaran yang ada hubungannya dengan konteks situasi, tujuan penutur itu menghasilkan ujaran, dan cara pendengar menerima dan memahami ujaran itu. Pragmatik memfokuskan kepada tiga kemahiran komunikasi, iaitu; pertama penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu seperti menyampaikan ucapan, membuat makluman, permintaan, membuat janji, dan juga tuntutan. Kedua, membuat penyesuaian atau membuat pertukaran bahasa berdasarkan konteks, situasi dan keperluan pendengar, dan ketiga untuk mematuhi peraturan perbualan dan peraturan cerita. Sementara itu, Levinson (1997), menyatakan bahawa pragmatik menggabungkan makna bukan linguistik dengan ilmu semantik bagi memberikan interpretasi makna dengan menyeluruh. Berdasarkan takrifan yang diberi oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, jelas menunjukkan bahawa bidang pragmatik mempunyai kaitan langsung dengan ujaran. Dalam mengkaji ujaran, semua aspek yang berkaitan dengan ujaran perlu diberi perhatian, termasuk niat penutur yang melahirkan ujaran, gaya bahasa yang digunakan, konteks dan situasi lain yang melatari ujaran tersebut. Semua aspek ini perlu dilihat untuk mendapatkan interpretasi makna yang sebenar.

Implikatur dalam pertuturan ini sememangnya wujud dalam masyarakat Melayu. Taslim (2010), menyatakan bahawa manusia Melayu itu sebagai manusia yang berbudaya halus, bersopan santun, sangat mementingkan adab ketika berkomunikasi, enggan bersikap biadab dan menjadikan kiasan dan perumpamaan sebagai budaya. Perkara ini terjadi kerana tradisi pemikiran Melayu menggunakan bahasa sebagai alat untuk membentuk makna kehidupan dan makna alamnya secara sangat kreatif dan produktif (Ahmad, 2004). Dalam ujaran ketika berkomunikasi, budaya sopan santun sangat penting dan diamalkan oleh masyarakat Melayu untuk memelihara hubungan antara dua pihak dan memelihara komunikasi tersebut agar dapat berterusan dalam keadaan yang selesa. (Musnif, 2007).

Dalam perbualan orang Melayu, mesej yang ingin disampaikan oleh penutur seakan-akan ditapis terlebih dahulu. Percakapan yang tidak langsung ini dapat dilihat daripada aspek sosiolinguistik dan juga pragmatik. Keadaan ini memerlukan pendengar menganalisis untuk mengetahui hajat sebenar penutur. Pendengar perlu

menyaring, menganalisis, dan membongkar mesej yang cuba disampaikan oleh penutur. Jadi, terpulanglah kepada pendengar untuk memahami mesej-mesej tersirat ketika berlangsungnya perbualan antara dua pihak.. Keupayaan pendengar memproses mesej yang diterima dalam sesuatu ujaran membolehkan pendengar memahami implikatur yang terkandung dalam komunikasi. Walaupun ujaran berimplikatur ini mempunyai makna tersirat, implikatur sering kali berjaya ditafsirkan dengan berkesan (Ahmad dan Jalaluddin, 2013). Kemampuan manusia mentafsir ujaran berimplikatur membuktikan bahawa tabiat manusia yang mampu mentafsir apa-apa sahaja makna yang cuba disampaikan jika cukup konteks dan kesan konteksnya.

Penggunaan implikatur dalam ujaran ini boleh dilihat melalui pelbagai bentuk ungkapan bahasa (Taslim, 2010). Implikatur wujud dalam ujaran yang mengandungi bahasa kiasan seperti peribahasa, bidalan, perumpamaan dan lain-lain lagi. Implikatur juga wujud dalam ayat-ayat interogatif dan ucapan yang disampaikan oleh seseorang. Kewujudannya menjadikan bahasa yang digunakan lebih halus dan meningkatkan kesantunan berbahasa. Kesantunan berbahasa amat diperlukan kerana bahasa yang santun akan melancarkan penyampaian mesej dalam komunikasi. Dalam berkomunikasi kita harus tunduk kepada norma-norma budaya. Tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya yang hidup dalam masyarakat. Apabila tatacara berbahasa seseorang tidak sesuai dengan norma-norma budaya, maka seseorang itu dituduh tidak beradat atau tidak berbudaya.

Salah satu daripada budaya masyarakat Melayu ialah menyampaikan sesuatu mesej secara berlapis, berkias atau terselindung di sebalik ujaran yang disampaikan. Hal ini bermaksud pendengar perlu membuat tafsiran yang betul terhadap mesej yang disampaikan. Makna sebenar tidak boleh dilihat dari segi literalnya sahaja sebaliknya perlu dikaitkan dengan konteks yang melatarinya. Fenomena ini dapat dilihat dengan jelas dalam ujaran yang terdapat dalam teks moden mahupun teks klasik. Antara teks klasik yang mengandungi ujaran berimplikatur adalah Sulalatus Salatin. Sulalatus Ujaran berimplikatur dalam teks ini digunakan oleh watak-watak yang terdiri daripada rakyat, bangsawan dan pemerintah untuk pelbagai tujuan. Oleh yang demikian wajarlah ujaran berimplikatur dalam teks ini dikaji untuk mendapatkan makna sebenar ujaran yang disampaikan.

Untuk mentafsirkan ujaran berimplikatur, pragmatik merupakan bidang yang sesuai digunakan kerana pragmatik merupakan kajian aspek makna yang bergantung

pada konteks yang dipisahkan secara sistematis daripada binaan bentuk logik. (Horn dan Ward, 1999), Sebagai satu cara yang sistematis, yang menghuraikan penggunaan bahasa dalam konteks, pragmatik cuba menjelaskan makna tersirat yang tidak boleh dihuraikan oleh ilmu semantik. Yusof (2007) pula mengatakan bahawa pragmatik ialah kajian bagaimana bahasa digunakan untuk berkomunikasi dalam situasi konteks dan matlamat pragmatik adalah untuk menjelaskan bagaimana ujaran dapat difahami. Pragmatik mengutamakan penginterpretasian makna ujaran yang ada hubungannya dengan konteks situasi, tujuan penutur itu menghasilkan ujaran, dan cara pendengar menerima dan memahami ujaran itu (Jalaluddin, 2003).

Seterusnya, teori yang paling sesuai digunakan ialah Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori ini terbukti mampu menghuraikan makna tersirat sama ada dalam ujaran mahupun dalam menyelesaikan masalah mendapatkan makna sebenar bahasa figuratif. Berdasarkan kemampuan teori ini menghuraikan implikatur maka kajian mengenai Ujaran berimplikatur dalam teks Sulalatus Salatin akan menggunakan teori ini sebagai landasan kajian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kedudukan dan peranan bahasa sebagai alat pengucapan kesusasteraan serta masalah-masalah yang berkaitan dengan alam kesusasteraan Melayu masih kurang diberi perhatian dalam penyelidikan. Penelitian terhadap karya sastra di Malaysia setakat ini masih pada tahap memperincikan tema dan struktur yang meliputi plot, watak, latar, sudut pandangan dan sedikit gaya bahasa. Analisis tentang gaya bahasa tersebut masih pada tahap diksi atau pemilihan kata, simile dan metafora. Analisis penggunaan ayat dilakukan secara ringkas dan tidak sistematis (Sariyan, 2009). Penelitian bahasa dari sudut semantik dan pragmatik kurang dilakukan kerana bidang ini masih belum diteroka secara mendalam. Antara aspek makna yang masih kurang dikaji ialah implikatur. Bidang ini tidak dibincangkan secara formal kerana kurangnya ahli linguistik di Malaysia (Jalaluddin, 2007). Implikatur yang merupakan makna tersirat disampaikan secara tersurat terdapat dalam karya klasik seperti Sulalatus Salatin. Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan terhadap karya ini, namun kajian mengenai ujaran berimplikatur masih belum ditemui. Situasi ini menunjukkan terdapat kelompondan yang perlu diisi. Bertitik tolak daripada situasi ini, maka wajarlah kajian ujaran berimplikatur dalam teks Sulalatus Salatin

dilakukan. Kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah ilmu berkaitan dengan bidang semantik dan pragmatik.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian amat penting dalam sesuatu kajian kerana melalui objektif dapat diukur kejayaan dan sumbangan sesuatu kajian yang telah dijalankan. Kajian ini merupakan satu usaha untuk memperjelaskan ujaran berimplikatur yang terdapat dalam teks Sulalatus Salatin menggunakan pendekatan pragmatik. Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai objektif seperti yang berikut:

- 1.4.1 mengenal pasti ujaran berimplikatur yang terdapat dalam Sulalatus Salatin .
- 1.4.2 menganalisis makna ujaran berimplikatur menggunakan Teori Relevans (TR) yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson.
- 1.4.3 menghuraikan makna ujaran berimplikatur dan melihat pemahaman pendengar terhadap mesej yang disampaikan.
- 1.4.4 menganalisis tujuan dan nilai Melayu yang terdapat dalam ujaran berimplikatur dalam Sulalatus Salatin.

1.5 Soalan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan mengupas dan menganalisis ujaran berimplikatur yang terdapat dalam teks Sulalatus Salatin. Berdasarkan objektif yang ingin dicapai, kajian ini dilakukan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1. Bagaimanakah ujaran berimplikatur dapat dikenal pasti dalam teks Sulalatus Salatin?
- 1.5.2. Bagaimanakah ujaran berimplikatur yang terdapat dalam Sulalatus Salatin dapat dihuraikan untuk mendapatkan makna sebenar?
- 1.5.3 Bagaimanakah mesej yang menggunakan ujaran berimplikatur dapat difahami oleh pendengar?
- 1.5.4. Apakah tujuan ujaran berimplikatur digunakan dalam teks Sulalatus Salatin?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan sama ada kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan sesuatu kajian memberi implikasi yang besar dalam memperbaiki sesuatu masalah atau situasi bagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga turut mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam memahami penggunaan implikatur. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak tertentu bagi mengekalkan keindahan, kesenian dan kesopanan bahasa Melayu dan seterusnya mengekalkan seni warisan yang telah diamalkan turun-temurun. Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 Kajian ini mengangkat karya klasik sebagai salah satu sumber kajian ujaran berimplikatur

Dalam kajian ini, data ujaran berimplikatur diperoleh daripada teks klasik Sulalatus Salatin yang merupakan sebuah karya agung dan telah diiktiraf sebagai teks warisan dunia. Karya ini telah banyak dikaji dari sudut tema dan persoalan, plot, watak dan perwatakan, latar, pengajaran dan nilai, peristiwa-peristiwa penting dan elemen-elemen sastera yang lain. Di samping kajian tersebut, kajian-kajian yang lebih mendalam boleh dilakukan untuk mengangkat sesebuah karya itu dan diletakkan ditempat yang sewajarnya. Sebagai sebuah karya klasik, Sulalatus Salatin mempunyai gaya penulisan tersendiri dalam menyampaikan mesej dan pemikiran orang Melayu pada zaman itu. Oleh yang demikian, salah satu cara mengangkat dan memberi pengiktirafan kepada teks tersebut adalah dengan membuat kajian dari pelbagai aspek. Kajian yang dijalankan ini secara langsung akan memberi pengiktirafan bahawa data karya klasik dapat digunakan sebagai bahan mengkaji ujaran berimplikatur. Justeru, kajian ini secara langsung menimbulkan satu dimensi kajian baharu untuk mengangkat karya klasik sebagai sumber data korpus yang berguna untuk melihat Melayu dari pelbagai perspektif atau sudut pandangan.

1.6.2 Kajian ini mencetus idea untuk mengkaji ujaran berimplikatur dalam bidang ilmu yang lain

Implikatur merupakan seni berbahasa yang boleh wujud dalam pelbagai disiplin ilmu. Kewujudannya sering disedari tetapi kajian mengenainya belum begitu

menyeluruh. Dalam kajian ini implikatur hanya mengkaji makna dari aspek ujaran yang terkandung dalam karya klasik. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan kajian yang boleh dilakukan. Bidang-bidang lain seperti perubatan, perundangan, insurans, perniagaan, kewartawanan dan penulisan juga boleh dikaji penggunaan implikatur di dalamnya. Semakin banyak kajian yang dilakukan maka semakin banyak dapatan yang diperoleh dan semakin berkembanglah ilmu berkaitan implikatur. Kajian-kajian dari pelbagai dimensi ini sekali gus akan menambahkan khazanah ilmu dan menyemarakkan minat terhadap penyelidikan. Selain itu, kajian ujaran berimplikatur berdasarkan teks klasik ini juga boleh membuka ruang kepada pengkaji atau penyelidik untuk mengkaji implikatur yang wujud pada zaman ini terutamanya dalam penggunaan media sosial. Kajian implikatur dalam media sosial akan dapat membuka minda tentang penggunaan implikatur pada zaman dahulu dan zaman sekarang.

1.6.3 Kajian ini membantu tenaga pengajar memberi penjelasan tentang implikatur dengan lebih yakin

Kajian ujaran berimplikatur ini menjurus kepada penginterpretasian makna tersirat. Dalam pendidikan, dari sekolah rendah hingga sekolah menengah dan seterusnya universiti, pelajar akan berhadapan dengan topik-topik berkaitan bahasa kiasan seperti simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan dan sebagainya. Seterusnya pada peringkat yang lebih tinggi pelajar akan mempelajari tajuk-tajuk berkaitan dengan puisi dan prosa. Dalam bahasa kiasan, puisi dan prosa ini mengandungi implikatur. Para-pelajar dituntut untuk memberi makna yang terdapat bahasa kiasan yang dipelajari. Kemampuan pelajar mendapatkan makna sebenar bergantung pada guru yang mengajar mata pelajaran tersebut. Oleh yang demikian sebagai seorang pendidik atau tenaga pengajar, mereka perlu mampu dan tahu cara untuk mendapatkan makna sebenar dalam implikatur. Kajian ujaran berimplikatur ini membuka ruang kepada para pendidik untuk mempelajari dan seterusnya menguasai cara menginterpretasikan makna tersirat berdasarkan pendekatan pragmatik dan Teori Relevans dan mengajarkannya kepada pelajar.

1.6.4 Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan korpus sebagai data sumber adalah sah dan relevan

Korpus merupakan himpunan mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian. Kajian linguistik yang menggunakan data korpus sebagai asas dalam penyelidikan aspek bahasa merupakan kecenderungan baru bagi ahli linguistik. Data korpus merupakan data berkonteks bagi mendapatkan dapatan kajian yang sah. Penggunaan data korpus berkonteks akan memberi gambaran sebenar tentang ujaran berimplikatur yang diperoleh daripada teks Sulalatus Salatin. Penggunaan data korpus juga memberi kesan untuk menghasilkan dapatan kajian yang empiris, praktikal dan boleh dipertanggungjawabkan.

1.7 Skop kajian

Ujaran berimplikatur bukan sahaja terdapat dalam ujaran lisan malah terdapat juga dalam bentuk penulisan yang diujarkan oleh watak-watak dalam sesebuah cerita. Sehubungan dengan itu skop kajian dalam kajian ini ialah mengenal pasti ujaran berimplikatur yang terdapat dalam teks klasik Sulalatus Salatin yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad. Kajian ini juga akan menganalisis makna ujaran berimplikatur dengan menggunakan Teori Relevans. Makna ujaran yang telah dianalisis akan dihuraikan untuk melihat kemampuan pendengar menginterpretasi ujaran yang disampaikan oleh penutur. Seterusnya skop kajian ini juga akan melihat fungsi ujaran berimplikatur digunakan oleh penutur.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan satu aspek yang penting ketika menjalankan kajian. Hal ini demikian kerana batasan kajian berfungsi mengawal kajian agar lebih berfokus, jelas dan berada di landasan yang betul. Kajian yang dilakukan merupakan kajian teks tentang ucapan berimplikatur yang terdapat dalam teks Sulalatus Salatin. Pemilihan ujaran berimplikatur daripada satu teks dianggap berpada untuk kajian ini kerana daripada 312 halaman terdapat 1078 ujaran yang terdapat di dalamnya. Daripada jumlah tersebut, lebih separuh daripadanya merupakan ujaran berimplikatur. Bilangan yang lebih daripada separuh dianggap signifikan yang kajian ke atasnya sesuai dilakukan (Jalaluddin, 2007). Pemilihan data dari satu teks diharapkan dapat mengekang masalah penganalisisan data yang terlalu besar dan

seterusnya kualiti kajian dapat dijamin. Hal ini demikian kerana apabila data terlalu besar mutu kajian akan gagal dikawal dan hasil kajian boleh dipertikaikan.

Kajian ini akan mengkaji ujaran berimplikatur berlandaskan Teori Relevans. Ujaran-ujaran berimplikatur yang digunakan oleh pengarang sahaja yang akan diambil sebagai data. Hal ini bermaksud ujaran-ujaran yang tidak mempunyai implikatur tidak akan diambil dan dianalisis kerana data tersebut di luar bidang kajian yang dijalankan. Kesemua data akan dikumpulkan dan dikategorikan mengikut pengujarnya iaitu raja atau sultan, golongan pembesar, ulamak dan rakyat seterusnya dikaji tujuan penggunaannya. Bagi tujuan penulisan ini, tiga contoh daripada setiap kategori akan dianalisis makna sebenarnya. Setiap contoh akan dihuraikan secara mendalam dan proses-proses kognitif yang berlaku akan ditunjukkan secara terperinci.


Kajian ini merupakan kajian terhadap ujaran berimplikatur yang terdapat dalam Sulalatus Salatin yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad. Terdapat pelbagai versi Sulalatus Salatin. Antara versi yang terkenal ialah versi W.G. Shellabear. Pemilihan teks Sulalatus Salatin selenggaraan A. Samad Ahmad ini adalah kerana teks ini merupakan teks yang paling menghampiri karya asal (Ahmad, 2013) Selain itu teks ini juga merupakan teks yang menjadi bahan bacaan dalam kalangan pelajar tingkatan enam.

1.9 Kerangka Teori

Sesebuah kajian ilmiah perlu disokong dengan kerangka teori. Kajian ilmiah yang berpandukan teori adalah kajian yang dibimbing oleh teori dan konsep-konsep yang secara jelas terbit dan berasal daripada bidang yang dikaji. Menurut Nalliah dan Osman (2007), kerangka teori sesuatu kajian berupaya menggambarkan satu set saling hubung kait yang telah dikesan berlaku dalam situasi-situasi tertentu dan pada kekerapan yang menunjukkan sesuatu hukum umum sedang beroperasi.

Teori yang dipilih mestilah benar-benar mampu untuk menghuraikan aspek-aspek kajian yang hendak dikaji. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, teori yang digunakan ialah Teori Relevans yang telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Pemilihan teori ini sebagai kerangka teori kerana kemampuannya menghuraikan aspek tersirat yang terdapat dalam sesuatu komunikasi (Subet, 2015), (Wong, 2014) dan (Hassan 2011) Sesuatu kajian yang disandarkan pada satu-satu teori dianggap mempunyai ciri-ciri saintifik apabila menemui tiga ciri kepadaan

yakni memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena yang dikaji Jalaluddin (2007). Rajah 1.1 menerangkan tentang kerangka teori yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Ujaran Berimplikatur

1.10 Definisi Istilah

Dalam subtopik kajian beberapa istilah yang menjadi fokus utama kajian dipilih untuk dihuraikan. Tujuannya adalah untuk memastikan tidak timbul sebarang masalah salah pemahaman atau masalah salah menginterpretasi mana-mana konsep khususnya yang berkaitan dengan teori yang digunakan. Istilah-istilah yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

1.10.1 Ujaran

Ujaran merupakan sesuatu yang diucapkan atau disebutkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Ujaran berlaku apabila wujudnya pemindahan maklumat daripada si penutur kepada si pendengar. Ujaran dalam kajian ini bermaksud kata-kata yang disampaikan oleh penutur bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Maksud yang cuba disampaikan oleh penutur kadangkala berbeza daripada maksud perkataan yang digunakan. Hurford et al. (2007) telah mendefinisikan ujaran sebagai rentetan percakapan oleh seseorang secara khusus pada satu-satu ketika dengan menggunakan bahasa sama ada berbentuk ayat, frasa atau perkataan. Secara lebih jelas, sesuatu ujaran yang dilahirkan tidak semestinya terdiri daripada ayat yang lengkap tetapi mempunyai maksud yang khusus ketika diujarkan oleh seseorang. Hakikatnya, ujaran amat penting dalam sesuatu perbualan kerana setiap ujaran mempunyai maksud tertentu yang sewajarnya difahami oleh penutur dan pendengar. Selanjutnya, menurut Jenny Thomas (1995) untuk mengkaji makna ujaran tentunya melibatkan suatu proses dinamik, yang perlu mengambil kira beberapa faktor seperti makna abstrak, makna penutur yang mengambil kira konteks perbualan (termasuklah fizikal, sosial dan linguistik), perundingan makna antara penutur dengan pendengar serta sebarang kemungkinan makna yang timbul hasil daripada ujaran tersebut. Blakemore (1997) mengatakan bahawa interpretasi ujaran bergantung pada keupayaan penutur membekalkan tanggapan tentang budaya, kepercayaan, keagamaan, peraturan dan emosi pendengar.

Secara lebih jelas, Jalaluddin (1992) telah menghuraikan makna ujaran sebagai suatu tugas bidang pragmatik. Menurutnya, makna implisit yang terkandung dalam sesuatu ujaran eksplisit harus dicari untuk mengetahui maksud atau makna keseluruhan perbualan tersebut. Hal ini dapat dilakukan dengan penginterpretasian ujaran-ujaran tersebut. Sebagai contoh:

- 1) Penutur A: Tambah nasi lagi?
- 2) Penutur B: Nasi boleh menggemukkan.

Dalam konteks di atas, ujaran penutur B membayangkan bahawa dia tidak mahu nasi lagi. Namun, makna yang dibayangkan oleh penutur B dalam (2) menimbulkan kekeliruan kerana kemungkinan juga dia (penutur B) bermaksud: 'Nasi boleh menggemukkan tetapi saya rasa saya mahu tambah.' Dalam hal ini, penutur A

akan berhadapan dengan dua interpretasi yang bercanggah. Jika si penutur B telah menjangka akan timbulnya kesalahfahaman atau kekeliruan dalam pentafsiran, si Penutur B seharusnya memberikan maklumat tambahan yang dapat membantu penutur A mentafsir ujarannya dengan tepat. Konteks juga perlu diambil kira dalam menentukan makna sesuatu perbualan kerana sesuatu ujaran akan berbeza maksud berdasarkan konteks penggunaannya. Umpamanya, ujaran ‘Belum boleh pergi lagi!’ boleh merupakan satu pernyataan sahaja, atau satu soalan atau satu perintah. Ujaran tersebut dapat digunakan untuk menyatakan yang pendengar masih belum pergi, menanyakan sama ada si pendengar sudah pergi atau tidak, ataupun mengarah agar si pendengar jangan pergi dahulu. Kesimpulannya, ujaran boleh disampaikan sama ada secara ringkas atau panjang lebar, namun untuk memahami ujaran pendengar perlu dapat mengambil kira konteks ujaran itu dilakukan kerana konteks sesuatu ujaran itu akan menyebabkan maknanya berbeza. Ujaran yang dihasilkan oleh penutur perlulah relevan supaya pendengar memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan.

1.10.2 Implikatur

Implikatur boleh dianggap sebagai seni berbahasa yang telah digunakan oleh orang Melayu sejak dahulu lagi. Pelbagai definisi telah diberikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Grice (1975) merupakan pengkaji yang memperkenalkan istilah implikatur telah mengatakan bahawa implikatur banyak melibatkan ketersiratan makna yang perlu disingkap makna keseluruhannya. Selepas itu, Gerald Gadzar (1979) mentafsirkan implikatur sebagai satu bentuk proposisi yang diimplikasikan oleh ujaran bagi ayat yang berkonteks, walaupun proposisi itu bukan merupakan sebahagian daripada atau pencakupan daripada yang sedang diperkatakan. Sementara itu Carston (1988) pula berpendapat, implikatur ialah mengenai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit. Kajian mengenai implikatur ini terus berkembang dan menarik minat pengkaji-pengkaji tempatan. Antaranya Jalaluddin (1992), Ibrahim (1999), Sarif (2010), Atan (2010), Mohamed (2015) dan Raja Mohamad (2015). Pengkaji-pengkaji ini memberikan definisi masing-masing menurut pandangan mereka. Walaupun mereka memberi definisi mengikut sudut pandangan mereka sendiri, namun boleh dikatakan kesemua pengkaji berpendapat bahawa implikatur merupakan kajian tentang makna tersirat yang terselindung di sebalik ujaran yang disampaikan secara tersurat.

Sifat implikatur yang tersirat ini memungkinkan seseorang pendengar tidak dapat mengetahui ujaran yang disampaikan oleh penutur. Oleh yang demikian, untuk mengenal pasti implikatur dalam ujaran, pendengar perlu bijak membuat andaian-andaian, seterusnya membuat kesimpulan berdasarkan pemahaman pendengar tentang mesej setelah menerima konteks tertentu

Untuk memahami implikatur, pendengar tidak boleh mentafsir sesuatu ujaran itu pada tahap tersurat sahaja, sebaliknya perlu menyingkap makna tersirat yang terdapat dalam ujaran yang disampaikan. Oleh yang demikian untuk memahami implikatur, pendengar perlu mampu mentafsir makna pada lapisan kedua. Pada lapisan pertama, pendengar menyingkap makna tersurat untuk mencari eksplikатурnya. Kemudian pada lapisan kedua pula makna tersirat ditafsirkan untuk mencari implikатурnya. Penggunaan implikatur ini akan gagal sekiranya penutur tidak dapat meramalkan darjah ketinggian konteks pendengarnya. Jika keadaan ini berlaku, penggunaan implikatur tidak akan membawa sebarang kesan, sebaliknya tambah menyukarkan kefahaman pendengar. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab penutur adalah lebih berat kerana penutur perlu memastikan ujaran-ujarannya selari dengan konteks pendengar. Oleh itu penutur perlu menghadkan pemilihan konteksnya agar pendengar dapat memproses ujaran dengan lebih mudah.

Seterusnya, untuk membincang bagaimana implikatur difahami, Sperber dan Wilson (1986) telah menunjukkan cara penghuraian implikatur dengan teratur. Mereka telah memberikan cara pembentukan deduksi yang boleh menyelesaikan masalah impikatur. Untuk mendapatkan makna sebenar, sesuatu ujaran boleh dianalisis dalam tiga peringkat (Jalaluddin, 2007). Peringkat pertama ialah peringkat analisis semantik, kemudian piawai implikatur dan seterusnya peringkat pragmatik. Konsep ad hoc dan Rangka Rujuk Silang juga akan digunakan untuk mengukuhkan maksud yang diperoleh. Proses mendapatkan makna akan dihuraikan dengan terperinci dalam bab 3.

1.10.3 Sulalatus Salatin (SS)

Sulalatus Salatin merupakan judul asal Sejarah Melayu (Ahmad, 2013). Pengarang asal teks ini ialah Tun Sri Lanang dan penulisannya bermula pada tahun 1612 hingga 1614. Tun Sri Lanang merupakan nama timang-timangan kepada Tun Muhamad anak Tun Ahmad Paduka Raja yang merupakan seorang Bendahara Kerajaan Johor pada kurus ke-17 Masihi. Teks ini merupakan satu karya sejarah yang menceritakan

tentang kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka. Di samping judul dalam bahasa Melayu, Sejarah Melayu juga dikenali dengan judul Arabnya Sulalatu'l-Salatin yang bermaksud Salasilah Raja-Raja (Hashim & Abdul Kaeh, 1994). Menurut Sarji (2004) Sejarah Melayu merupakan gambaran yang agak lengkap serta lukisan yang beraneka warna mengenai keadaan hidup bangsa Melayu pada zaman dahulu terutamanya golongan yang memerintah iaitu golongan raja serta bangsawan. Menurut Hamid dan Zakaria (2007), teks ini dihiasi dengan pelbagai nada suara yang meninggalkan jalur-jalur perasaan pada pembacanya.

SS yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad merupakan versi terbaharu Sejarah Melayu. Versi ini telah menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi yang sedia ada iaitu versi Shellabear, Abdullah Munsyi dan Winstedt (Ahmad, 2013).

Dalam kajian ini, teks yang digunakan ialah Sulalatus Salatin yang diselenggarakan oleh A Samad Ahmad dan diterbitkan pada tahun 2013. Teks ini dipilih kerana teks ini merupakan teks yang telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai teks Warisan Dunia (Sarji, 2004), dan salah satu teks prosa klasik yang dijadikan teks kajian dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Oleh yang demikian, teks-teks sejarah Melayu yang lain tidak akan digunakan sebagai subjek kajian.

1.11 Teori Relevans (TR)

Untuk melaksanakan satu kajian yang berbentuk ilmiah, satu teori yang sesuai perlu digunakan sebagai landasan kajian tersebut. Kesahihan dapatan kajian diragui sekiranya kajian tersebut tidak mempunyai teori yang menjadi landasan (Jalaluddin, 1994). Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan Teori Relevans (TR) sebagai teori yang menjadi landasan kajian ini dilakukan. TR merupakan teori yang telah dipelopori oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori ini telah dimantapkan dan dikemas kini peringkat demi peringkat hingga tahun 2002. TR merupakan teori yang mengaitkan komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik (Subet, 2015).

TR merupakan teori yang mengandungi tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Ketiga-tiga gagasan ini perlu digunakan secara bersama-sama apabila mengguna TR dalam dalam menginterpretasi ujaran.

1.11.1. Konteks

Konteks merupakan salah satu gagasan utama dalam Teori Relevans. Konteks merupakan kewujudan seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks boleh wujud melalui pelbagai cara, misalnya menurut Subet (2010), konteks boleh terbina melalui pengamatan terhadap persekitaran yang melingkari kehidupan seharian, seperti kata-kata yang telah dan baru sahaja diujarkan yang masih kekal dalam ingatan, perkara yang melibatkan masa depan, juga merangkumi hipotesis saintifik, kenangan manis, pahit atau lucu, andaian tentang budaya dan kepercayaan yang ada pada penutur dan sebagainya. Konteks dirujuk melalui tiga cara, iaitu ujaran terdahulu (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu); kedua, dengan cara merujuk kepada apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia; dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang terdapat dalam memori seseorang yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran. Konteks dalam TR berlaku dalam psikologi penutur, penterjemah, pembaca atau sesiapa sahaja yang terlibat dalam komunikasi tersebut. Konteks juga bukanlah sesuatu yang statik. Ia sentiasa berubah selaras dengan setiap maklumat yang diterima. Perubahan ini adalah perlu untuk memadankan konteks dengan maklumat. Salah padanan antara kedua-duanya boleh mengakibatkan maklumat tersebut disalah tanggap oleh pendengar. Konteks pemula boleh dikembangkan dengan tiga cara iaitu yang pertama dengan melihat ke arah tulisan yang terdahulu. Apa yang dimaksudkan dengan melihat ke arah tulisan terdahulu adalah secara logiknya seseorang penulis itu tidak akan menggunakan satu ayat sahaja untuk menyampaikan mesej. Pembaca harus memahami apa-apa yang ditulis berdasarkan satu kesatuan atau wacana keseluruhan cerita tersebut untuk memahami konteks. Untuk menerangkan konsep konteks, penerangan akan dilakukan menggunakan contoh berikut:

Maka sembah Patih Aria Gajah Mada dengan sukacitanya, “Baiklah tuanku, akan patik himpunkan orang; jikalau manusia sekerat, anjing sekerat sekalipun, jikalau sudah berkenan ke bawah duli tuanku, itulah patik pertuan.” (ms)

Dalam contoh di atas, konteks boleh dibina berdasarkan peristiwa yang berlaku pada ketika itu iaitu Puteri Awi Kesuma hendak memilih calon suami.

Keadaan ini membekalkan konteks pertama kepada Patih Aria Gajah Mada. Seterusnya, beliau menggunakan perkataan *manusia sekerat, anjing sekerat* untuk menyatakan persetujuannya terhadap pilihan Puteri Kesuma. Perkataan manusia dan anjing ini telah terdapat dalam ensiklopedia Puteri Ayu Kesuma. Walaupun mesej ini mempunyai maksud tersirat, beliau dapat memahaminya kerana perkataan tersebut mempunyai konteks yang jelas. Dengan bantuan daripada konteks ini, pendengar (Puteri Ayu Kesuma) dapat membuat andaian bahawa Patih Aria Gajah Mada akan menerima siapa sahaja sebagai bakal suaminya.

Kesimpulannya, konteks merupakan satu elemen yang berperanan penting bagi membolehkan ujaran mengambil tempat. Penutur perlu membekalkan konteks yang selaras dengan pengetahuan pendengar untuk memastikan komunikasi antara penutur dan pendengar berjalan lancar. Pendengar pula harus memastikan adakah konteks yang dibekalkan oleh penutur berjaya menghasilkan kesan konteks bagi membantu interpretasi makna seterusnya.

1.11.2 Kesan Konteks

Sesuatu ujaran dianggap lebih relevans jika mempunyai lebih kesan konteks. Kesan konteks terbina apabila andaian awal pendengar berjaya digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sesuatu ujaran. Pendengar selalunya mempunyai konteks awal yang tersendiri apabila berbual atau melihat sesuatu. Satu implikasi konteks akan terbina apabila konteks awal ini bertemu dengan konteks yang sebenarnya. Dalam perbualan, pendengar akan membina kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Latar belakang konteks akan terus berubah selagi ada maklumat baru ditambah. Ini bermakna kita akan terus membuat andaian baru kepada andaian yang telah sedia ada dan juga yang telah diproses pada peringkat awalnya.

Menurut Zainon Hamzah (2006), Ismail (2005), Jalaluddin (2007), kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila kesemuanya mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses melalui tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi.

Untuk mengelakkan kekeliruan, pendengar mestilah sentiasa sedar bahawa apabila seseorang menginterpretasi sesuatu ujaran, mereka tidak hanya terbatas kepada andaian lama yang sedia ada, tetapi juga harus peka dengan kehadiran maklumat serta andaian baru. Selain itu perkara yang amat penting mengenai kesan konteks ialah andaian bahawa konteks yang berbeza akan menghasilkan interpretasi pragmatik yang berbeza. Ada tiga cara bagaimana kesan konteks diperolehi iaitu :

- a) Menggabungkan dengan konteks yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks.
- b) Menguatkan lagi andaian yang telah sedia wujud.
- c) Melakukan pertentangan maklumat dan menggugurkan andaian lemah yang wujud.

Berdasarkan hujah yang diberikan oleh Sperber dan Wilson (1986) tentang bagaimana proses kesan konteks diperolehi, Jalaluddin (2007) telah memberikan contoh yang mudah bagaimana tiga cara di atas dapat dihuraikan.

a). Penggabungan

Penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baru penutur untuk menghasilkan kesan konteks yang dapat membantu pendengar memproses mesej penutur dengan mudah. Contohnya

Latar belakang konteks :

- (1) Ali berandaian jika tidak ada kuliah hari ini, dia akan pergi ke Kajang. Ali berjalan menuju ke dewan kuliah dan ternyata:
- (2) Kuliah dibatalkan.

Daripada andaian yang wujud dalam (1) dan maklumat baru dalam (2), Ali dapat merumuskan beberapa maklumat lanjut yang tidak boleh dirumuskan sama ada daripada andaian yang sedia wujud, iaitu (1) atau maklumat baru (2) untuk merumuskan (3), iaitu:

- (3) Ali akan ke Kajang

b) Penguatan

Penguatan maklumat ialah proses apabila andaian awal pendengar dapat dikuatkan dengan maklumat baru yang diberikan oleh penutur. Malah maklumat awal itu dapat disahkan dan ternyata betul untuk membentuk kesan

konteks yang baik dan berguna kepada pendengar untuk membantunya dalam menginterpretasikan makna ujaran tersebut. Sebagai contoh:

Latar belakang konteks:

Ali sedang menunggu bus dan terdengar satu deruman mesin kendaraan berat.

Ali membuat andaian bahawa :

(1) Bus sudah sampai

Sesampainya kendaraan itu ternyata:

(2) Ia memang bus.

Dalam hal ini, (2) memperkuat atau mengesahkan andaian awal yang terbentuk. Lebih banyak andaian yang dapat diperkuat, lebih relevanlah sesuatu ujaran itu.

c) **Pengguguran**

Pengguguran maklumat pula ialah proses berlakunya pertentangan maklumat antara andaian awal pendengar dengan maklumat baru penutur. Dalam hal ini, telah berlaku percanggahan andaian. Mana-mana andaian yang lemah antara kedua-dua maklumat ini akan digugurkan untuk membantu kesan konteks yang lebih baik. Contohnya:

Latar belakang konteks:

Ali sedang menunggu bus dan terdengar deruman kendaraan berat lalu membentuk andaian bahawa:

(1) Bus sudah sampai.

Sesampainya kendaraan itu ternyata:

(b) Bukan bus yang sampai tetapi lori.

Di sini telah berlaku pertentangan maklumat. Apabila hal ini berlaku, mana-mana maklumat yang bertentangan dengan konteks harus digugurkan.

Berdasarkan huraian dan contoh yang diberikan, dapatlah dikatakan bahawa lebih banyak kesan konteks yang dimiliki oleh sesuatu andaian itu, maka semakin relevanlah andaian tersebut. Walaupun begitu, untuk menentukan sesuatu ujaran itu relevans, kos memproses tidak boleh dipinggirkan kerana kos memproses juga merupakan aspek penting untuk membantu mendapatkan makna sebenar dalam ujaran.


1.11.3. Kos Memproses (Usaha Memproses)

Kos memproses ialah usaha pendengar dalam memproses maklumat atau makna ujaran. Sekiranya ujaran itu dapat difahami dengan mudah, maka kos memproses maklumat bagi ujaran tersebut dapat dianggap rendah. Tetapi jika ujaran yang dihasilkan itu dipenuhi dengan soalan-soalan, ia akan meningkatkan lagi kos memproses sesuatu ujaran. Sesuatu ujaran akan dianggap kurang relevan sekiranya kos memproses tinggi. Bagi pihak penutur, kos memproses penting bagi memastikan ujarannya dapat difahami dengan mudah oleh pendengar (Sperber dan Wilson, 1995). Mereka juga menegaskan, dalam proses penginterpretasian ujaran atau maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dan usaha memproses yang sedikit mungkin. Hal ini bermaksud dalam memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih untuk mencapai kesan yang dimaksudkan (Hassan 2011).

Bagi penutur, usaha memproses amat penting bagi memastikan ujarannya dapat difahami dengan mudah oleh penutur. Sekiranya ia mudah difahami maka kos memproses maklumat tersebut dapat dianggap rendah tetapi jika sebaliknya, maka kos proses bagi maklumat tersebut dianggap tinggi. Sebagai contoh

- a) Saya memandu kereta Proton Waja.
- b) Saya memandu kereta Proton.

Contoh di atas menunjukkan bahawa, ujaran (a) lebih mudah diproses jika dibandingkan dengan ujaran (b). Pendengar akan lebih biasa dengan nama Proton Waja jika dibandingkan dengan kereta Proton. Jika penutur memberikan maklumat seperti yang terdapat dalam (b), pendengar agak sukar memproses ujaran tersebut kerana pendengar mengetahui terdapat banyak jenis kereta Proton berbanding dengan ujaran (a). Soalan susulan bagi maklumat yang diberikan akan meningkatkan lagi usaha memproses maklumat. Justeru, penutur bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ujarannya mudah diproses supaya tahap kerelevannya tinggi. Hubungan antara Kerelevanan ujaran dengan kos memproses boleh dilihat berpandukan kepada rajah yang 1.2.



Rajah 1.2. Usaha Memproses dan Kerelevanan Ujaran
(Subet, 2010)

Berdasarkan rajah 1.2, Skala untuk usaha memproses ialah 1 hingga 10. Skala 1 menandakan usaha memproses itu paling rendah, dan seterusnya meningkat untuk menunjukkan bahawa usaha memproses itu semakin sukar sementara usaha memproses yang paling tinggi pula ditandai dengan skala 10. Bagi kerelevanan ujaran pula, skala yang digunakan juga antara 1 hingga 10. Skala 1 menandakan tahap kerelevanan ujaran itu sangat rendah dan seterusnya tahap kerelevanan itu semakin meningkat hingga skala 10. Skala 10 menandakan bahawa kerelevanan ujaran itu sangat tinggi. Oleh itu, Rajah 1 menunjukkan semakin rendah usaha memproses ujaran dalam paksi X, maka semakin tinggilah kerelevanan ujaran seperti yang ditunjukkan dalam paksi Y. Misalnya, jika usaha memproses ialah 1, iaitu paling rendah, maka kerelevanan ujaran ialah 10, iaitu paling tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa ujaran itu mudah difahami. Walau bagaimanapun, jika usaha memproses itu sangat tinggi seperti yang ditunjukkan dengan skala 10 dalam paksi X, maka kerelevanan ujaran sangat rendah, iaitu ditunjukkan dengan skala 1 dalam paksi Y. Jika keadaan ini terjadi, maka maksud sebenar ujaran itu sukar difahami). Hal ini membuktikan bahawa semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran itu, maka semakin tinggilah kerelevanan sesuatu ujaran itu. Tahap inilah yang akhirnya cuba dicapai dalam TR, iaitu penginterpretasian ujaran bermatlamatkan relevan optimum. Berdasarkan huraian dan contoh yang diberikan, untuk mengurangkan

usaha memproses maklumat, ujaran tersebut haruslah jelas dan nyata (Jalaluddin 1992).

Dalam TR, interpretasi ujaran melibatkan dua proses iaitu pengekodan dan inferens. Kod ialah sesuatu konsep sama ada konkrit atau abstrak yang membantu untuk pentafsiran makna kerana mempunyai erti yang tertentu atau yang tersembunyi atau rahsia (Wong, 2013). Penentuan kod akan dapat membantu kita memahami konteks pemula. Daripada kod itu pula, proses membuat inferens akan dilakukan. Proses pengekodan melahirkan representasi semantik yang menjadi input kepada proses inferens. Proses pengekodan ini dilakukan oleh sistem kognisi pusat yang memainkan peranan dalam menginterpretasi ujaran yang merangkumi pengendalian sistem deduktif, memori jangka pendek dan jangka panjang dan persekitaran kognitif pentaksir. Inferens pula ialah kesimpulan yang dibuat berdasarkan fakta (asas) tertentu. Inferens diproses dalam minda. Proses membuat inferens berlaku dengan pantas dalam minda manusia. Proses membuat inferens perlu dilakukan untuk mencari andaian. Matlamat utama proses ini adalah untuk mencari kerelevanan optimum tentang set andaian yang telah ditimbulkan dalam minda. Proses pusat inferens ini berfungsi mengawal ketat stor andaian yang terlalu luas untuk memastikan bahawa hanya andaian yang diperlukan sahaja akan digunakan (Jalaluddin, 1998). Hal ini bermaksud, dalam TR proses inferens ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat (Subet 2015). Oleh hal yang demikian, Daripada set andaian tersebut, satu andaian sahaja akan berdiri kukuh. Dalam erti kata lain, set andaian tadi terdiri daripada beberapa andaian yang sama ada kuat atau lemah. Dalam hal ini, andaian yang lemah akan digugurkan, sementara andaian yang kukuh dan yang paling relevan dalam penginterpretasian makna sebenar yang hendak dinyatakan dikekalkan. (Subet, 2015) Andaian yang benar-benar relevan ini diterima oleh minda untuk diproses seterusnya. Untuk memahami andaian yang paling relevan tadi, kehadiran beberapa set maklumat diperlukan. Maklumat yang dimaksudkan mungkin merangkumi maklumat konteks, ensiklopedia, atau daripada memori jangka panjang dan pendek manusia. Kod dan inferens ini digabungkan untuk membolehkan manusia mencapai tahap komunikasi yang lebih canggih (Jalaluddin, 2007). Oleh itu, kemungkinan memperoleh pelbagai andaian itu sebenarnya telah terlebih dahulu melalui proses inferens.

Dalam TR, sesuatu ujaran itu mestilah bermanifestasi serta bersifat jelas dan nyata. Ujaran dianggap bermanifestasi apabila andaian daripada ujaran dapat

ditafsirkan dengan bukti-bukti yang banyak. Matlamat ujaran bermanifestasi adalah untuk memudahkan pendengar mendapatkan makna ujaran tersebut. Untuk membantu mendapatkan makna sebenar ujaran, dua faktor yang perlu diberi perhatian ialah faktor persekitaran kognitif dan ujaran bermanifestasi.

Menurut teori ini, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevan secara optimum dan setiap interpretasi yang relevan mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih untuk mencapai kesan yang dimaksudkan. Menurut Sperber dan Wilson (2002), dalam usaha mencapai relevan yang optimum, pendengar akan memproses semua rangsangan luar dan representasi dalaman yang menjadi input pada proses kognitif yang mungkin relevan padanya pada satu-satu masa. Semua input yang relevan secara maksimum akan dikaitkan dengan pengetahuan dan maklumat latar belakang seseorang. Berdasarkan syarat TR, sesuatu input adalah relevan pada seseorang individu hanya apabila pemprosesan input itu dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif (Sperber dan Wilson, 2002). Kesan kognitif pula berbeza mengikut representasi seseorang individu terhadap dunianya. Maklumat atau ujaran yang diterima akan disesuaikan dengan andaian sedia ada pendengar bagi mencipta kesan kognitif. Maklumat ini boleh diperolehi melalui tiga cara iaitu penggabungan, pengukuhan dan pengguguran.

a. Penggabungan.

Andaian baru yang boleh digunakan bersama-sama dengan maklumat yang sedia ada dalam konteks untuk menghasilkan implikasi konteks

b. Pengukuhan andaian sedia ada.

Andaian baru yang boleh mengukuhkan sesetengah andaian konteks sedia ada.

c. Pertentangan dan Pengguguran andaian sedia ada.

Pengguguran andaian sedia ada akibat berlakunya pertentangan antara andaian baharu dengan andaian lama.

Dalam Teori Relevans, Sperber dan Wilson (1986) melihat bagaimana ayat itu diproses terutamanya bagi jawapan yang tersirat. Sebagai contoh :

A: *Do you like rugby ?*

B: *I am a New Zealander.*

C: *Yes, I do*

Daripada contoh yang diberi, A bertanya kepada B dan C sama ada meminati sukan ragbi atau tidak. B menyatakan bahawa beliau merupakan rakyat negara New Zealand manakala C meminati sukan ragbi. Jika dilihat dari contoh di atas apakah hubungan antara *New Zealand* dengan *sukan ragbi*. Kemampuan pendengar memproses jawapan yang tidak langsung ini akan membantu interpretasi makna. Ini jelas menunjukkan bahawa bukan setakat faktor budaya yang diambil kira. Di sinilah letaknya peranan faktor kognitif. Jawapan tidak langsung atau tersirat akan menggalakkan pendengar membuat spekulasi atau mungkin seterusnya membuat kesimpulan daripada secebis maklumat yang tidak dihasilkan daripada jawapan langsung seperti dalam jawapan C. Justeru Teori Relevans menekankan tentang bagaimana membimbing pendengar atau pembaca memproses apa-apa yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri 56 manifestasi dan persekitaran kognitif. Kesemua faktor ini akan dapat membantu pendengar menghasilkan satu interpretasi makna sebenar. Selain itu Teori Relevans juga memberi penekanan kepada apa-apa jua bentuk komunikasi yang boleh difahami antara penutur dengan pendengar. (Jalaluddin, 2007).

TR juga menegaskan bahawa pendengar akan memproses sesuatu ujaran itu berdasarkan persekitaran kognitifnya iaitu dengan membina input-input yang dibekalkan dalam ujaran dan seterusnya membuat kesimpulan tentang maksud ujaran tersebut berasaskan kesan kognitif yang mudah dicapai, paling tinggi kesannya dan paling rendah kos memprosesnya. Dalam komunikasi lisan, ujaran yang disampaikan oleh penutur mengandungi bentuk-bentuk logik yang boleh didekodkan oleh pendengar dan seterusnya pendengar memilih bentuk-bentuk logik inidan dimanifestasikan untuk dijadikan sebagai input dalam proses pemahamannya. Walau bagaimanapun, sekiranya ujaran tersebut berimplikatur, bentuk logik yang didekodkan tidak dapat difahami kerana terdapat makna tersirat di sebalik bentuk yang didekodkannya. Oleh hal yang demikian, untuk menyelesaikan masalah ini TR mencadangkan cara yang paling sesuai ialah penggunaan proses inferensi pragmatik. Menurut Sperber dan Wilson (2002), untuk memahami ujaran, pendengar perlu melakukan tiga perkara iaitu:

RUJUKAN

- Abas, L. (2000). *Kritikan Karya Sastera sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahman, S. (2011). Pembudayaan Bahasa Melayu Melalui Genre Puisi. dlm. Sujud, A., Abd Aziz, A. Y., Ahmad Yusoff Buyong, A. Y. & Zainon Hamzah, Z. A. *Linguistik dan pembudayaan Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 400-421
- Abdul Ghaffar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan Johor*: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Samad, L. (2004). Peribahasa Lambang Kesarjanaan Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 2(2), 91–106.
- Abdullah, I. H. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris), *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1). 125-141.
- Abu Bakar, S. (2009). *Implikatur Dalam Sajak-sajak Melayu*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Ahmad, A. M. (2000). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A. S. (2013). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Edisi Pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A & Rashidin, R. (2011). Terjemahan ‘Air’ Dalam Peribahasa Melayu – Inggeris: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, 13(2),1-12.
- Ahmad, A & Jalaluddin, N. H. (2013). Implikatur dalam Kes PembunuhanNoritta. Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 20-38.
- Ahmad. H. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Sg. Ramal Dalam: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Ahmad, H. (2004). *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

- Ahmad, H. (2008). Minda Melayu dalam kesusasteraan Melayu Tradisional dlm. Anuar Ridwan (peny). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 145-162
- Ahmad Ishak, M. S. & Rahamad, M. S. (2012). *Strategi Bahasa. Panduan Nahu dan Retorik untuk Penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Aiyub, M. J. (2013). *Cakna Bahasa*. Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications.
- A. Rashid, N. (2007). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Rashid, N. (2012) Kesantunan-Menyingskap Konsep Melalui Model-Modelnya. dlm. Maros, M., Jaafar, M. F & Maslida Yusof. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms 15-42.
- Atan, M. (2010). *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem P.Ramlee*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Ph.D.
- Baba, H. dan Jalaluddin, N. H. (2015). Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa : Analisis Pragmatik. *Kertas Kerja Seminar Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 20 - 21 Januari.
- Baba, H. (2015). *Bahasa Berkias dan Nilai Melayu: Analisis Pragmatik*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D.
- Basharuddin, N. A. dan Muhamad, H. (2014). Interpretasi Pantun Daripada Perspektif Semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1),1-9.
- Blakemore, D. (1997). Restatement and exemplification: a relevance theoretic re-assessment of elaboration. *Pragmatics and Cognition*, 5(1), 1-19.
- Carston, R. (1988). Saying and Implicating. *Journal of Linguistics*, 1(1) 1-32.
- Carston, R. (2002). *Thoughts and Utterances: The Pragmatics Of Explicit Communication*. Oxford: Blackwell.
- Charteris, B. (2003). Speaking With Forked Tongue: A Comparative Study of Metaphor and Metonymy in English and Malay Phraseology. University of Surrey:Department of Linguistic, Cultural & International Studies. *Metaphor and Symbol*,18(4), 289-310.
- Che Noh, C. H. & Yusoooff, F. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3 (2), 45 – 62.
- Che Soh N. A. & Salleh, C. I. (2014). Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu P. Ramlee. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 2(1), 103-111.

- Cohen, I., Manion, L. & Morison, K. (2011). *Research Methods in education (7th edition)*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2008). *Education Research. Planing, Conducting and Evaluating Quantitative Research*. Singapore: Pearson Merill Prentice Hall.
- Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics (Sixth Edition)* Oxford: Blackwell Publishing.
- David, W. (2008). Implicature, Pragmatics, and Documentation: *A Comparative Study Journal of technical Writing and Communication*, 3(1). 27-51.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (2005). *The Sage Handbook of Qualitative Research (Third Edition)*. California: Sage Publications.
- Effendi, T. (2004). *Tunjuk Ajar Melayu*. Yogyakarta. Adicita Karya Nusa.
- Gadzar, G. (1979). *Pragmatics: Implicature. Presupposition and Logical Form*. New York : Academic Press.
- Gay, L. R., Mills, E. M., & Airasian, P. (2009). *Education Research. Competencies for Analysis and Applications* Ninth Edition. Kuala Lumpur: Pearson Education Malaysia, Pte Ltd.
- Gibbs, G. (2007). *Analysing Qualitative Data*. London: Sage Publications.
- Grice, H. P. (1975). Logic and Conversation, dlm Cole, P. (ed), *Syntax and Semantic*, Vol. 3, 41-58. <http://www.ucl.ac.uk/ls/studypacks/Grice-Logic.pdf>.
- Hadiati, C. (2007). *Tindak Tutur dan Implikatur Percakapan Tokoh Wanita dan Tokoh Laki-laki Dalam Film The Sound of Music*. Universitas Diponegoro. Tesis Sarjana S2.
- Harun, K. & Yusof, M. (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa Dalam Media. *Sosial Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication*, 31(2), 617-629.
- Hashim, M. Y., & Kaeh, A. R. (1994). *Sejarah Melayu, Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Hassan, A. & Mohd, A. (2001). *Bakat dan kemahiran memimpin. Panduan untuk pemimpin meningkatkan prestasi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hassan, A. & Mohd, A. (2004). *Komunikasi Di Tempat Kerja*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hassan, A. dan Mohd, A. (2010). *Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Hassan, A. (2008). Mengemaskinikan Masukan. Kamus Peribahasa. dlm. Jalaluddin, N. H & Baharudin. R. *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 142-174
- Hassan, H. (2011). *Kata Hubung "dan" dan "tetapi" Dari Sudut Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Z. (2010). *Unsur Alam dalam Puisi Modern*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hassan, Z. (2011). *Bahasa Figuratif Pemanis Bicara*. Dewan Sastera, 10. 24-28.
- Horn, L. & Ward, G. (1999). *Pragmatics*. The MIT Encyclopedia Of Thhe Cognitive Science.
- Horn, L. & Ward, G. (2004). *Handbook of Pragmatics*. Oxford: Blackwell.
- Hurford, J. R., Heasley, B. & Smith, M. B. (2007). *Semantics: A Course Book* (Second Edition). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Hussain, A. (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, M. (1999). *Implikatur Dalam Iklan*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Isam, H. & Mat Awal, N. (2011). Analisis Berasaskan Korpus Dalam Menstruksur Semula kedudukan Makna Teras Leksikal Setia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1), 143-158.
- Isam, H. & Abd. Mutalib, M. (2015). Memahami Pemikiran Melayu Melalui Pembangkaian Makna Leksis *Darah* Dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 190-201.
- Ishak, N. S. & Mansor, M. M. (2011). *Peribahasa: Gambaran Minda Melayu dalam Penciptaan Iklan*. dlm Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VII (SALPBMVII), 9-10 Nov 2011, UPM
- Iskandar, Y. (1980). *Resensi Buku Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* oleh A. Samad Ahmad dalam dewan Bahasa 24, 9:47-60.
- Jacobsen, Ronald Rosendal. (2010). *The Interpretation of Indirect Speech Acts in Relevance Theory*. Learn Danish, Kolding, Denmark. (http://www.uab.ro/jolie/2010/1_jacobsen_ronald.pdf)
- Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (1994). *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Universiti Malaya: Tesis Ph.D.
- Jalaluddin, N. H. (1998). *Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori*

- Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(12), 1084-1093.
- Jalaluddin, N. H. (2003). Kata Ganda Penuh: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik. *Jurnal Dewan Bahasa*, 3(2), 26-33.
- Jalaluddin, N. H. (2007). *Bahasa Dalam Perniagaan. Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. & Syah, A. H. (2009). Penelitian makna imbuhan Pen- Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Rangka Rujuk Silang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 57-72.
- Jalaluddin, N. H. (2012). Kesantunan Berbahasa Meneroka Minda Melayu dlm Maros, M., Jaafar, M. F. & Yusof, M. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 148-169.
- Jalaluddin, N. H. (2013). Perihal Keintelektualan Melayu Melalui Korpus Sulalatus Salatin. Seminar 400 tahun Sulalatus Salatin. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, 29-30 Oktober 2013. Tidak diterbitkan.
- Jalaluddin, N. H. (2014). Pemugaran Penyelidikan Untuk Pemerksaan Bahasadlm.http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norhashimah_jalaluddin.pdf- (Capaian 14 Januari 2015).
- Jasmi, K. A. (2012). *Penyelidikan Kualitatif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Ke empat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S. (2012). Kesantunan Berbahasa Dalam Konteks Pekerjaan: Perspektif Penggunaan Kata Ganti nama. dlm. Maros, M., Jaafar, M. F. & Yusof, M. . *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 131-147.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the Semantics and Pragmatics Distinction. dlm. Travis, C. (pnyt). *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- Kling, Z. (2008). Minda Melayu Satu Tafsiran dlm Anwar Ridwan (peny). *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms.17-61.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (Azhar M. Simin. Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lebar, O. (2012). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lestari, Y. (2009). Implikatur Percakapan dan Motif Humor Akhirnya Datang Juga Ke Trans TV. Universitas Sebelas Maret: Skripsi Sarjana (S-2).

- Levinson, S. C. (1997). Language and cognition: The Cognitive Consequences of Spatial Description in Guugu Yimithirr. *Journal of Linguistic Anthropology*, 7(1), 1-35.
- Levinson, S. C. (2001). International Encyclopedia of Social and Behavioral Sciences.
- Maros, M. (2012). Lakuan Sindiran Dalam Konteks Kesantunan. dlm. Maros, M., Jaafar, M. F. & Yusof, M. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 190-219.
- Meor Osman, W. R., Mustafa, R. & Pit, S. (2013). Ketersiratan Makna Kata Ganda dalam Dialek Melayu Sarawak. *Jurnal Linguistik*, 17(2), 63-69.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mehrabian, A. (2000). Beyond IQ: Broad-Based Measurement of Individual Success Potential or 'Emotional Intelligence'. *Genetic, Social & General Psychology Monographs* **126** (2), 107-133.
- Hashim, M. (2005, November 14). Bahasa Baik Lirik Menarik. *Berita Harian*. ms. 12.
- Mohamed, N. A. (2015). Pemahaman Makna Tersirat Dalam Interaksi Kanak-kanak Prasekolah. Universiti Malaya: Tesis Ph.D.
- Mohammad Yusof, Z. (2009). *Kemahiran Komunikasi*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd, A. & Hassan, A. (2005) *Berfikir seperti Inventor*. Batu Caves : PTS Publication.
- Mohd, A. & Hassan, A. (2011). *11 Prinsip dan Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Selangor: PTS Profesional Publishing.
- Mohd. Kiram, N. & Raja Ariffin R, M. (2012). Kesantunan Berbahasa Orang Melayu Menerusi Gaya Pengurusan Air Muka dalam Saga: Aplikasi Teori Ting-Toomey. *Jurnal bahasa*, 12(2), 284-300.
- Mohd Kiram, N. & Mustapha, N. F. (2013). Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Sifat dan Konsep Malu Orang Melayu. *Jurnal Linguistik*, 17(1), 39-48.
- Mohd Saad, N. H., Jalaluddin, N. H & Ahmad, Z. (2015). Penelitian Semula Makna

- Imbuan meN:-Kajian Eksplisit Vs Implisit. SEMINAR LINGUISTIK KEBANGSAAN(SLiK2015). *Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 20 - 21 Januari 2015.
- Muhamad Affendi, N. R., Sujud, A. dan Abd Rahim, N. (2011). Pernyataan lisan dan bukan lisan dalam Novel Putera Gunung Tahan Dari Perspektif Bahasa Melayu. dlm. Sujud, A., Abdul Aziz, A. Y., Buyong, A. Y., & Zainon Hamzah, Z. A. *Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 422-452.
- Munawaroh, S. (2008). *Tindak Tutur Dalam Dialog Filem Berbagi Suami Karya Nia Dinata :Sebuah Tinjauan Pragmatik*. Universiti Sebelas Maret. Tesis Sarjana S2.
- Musa, H. (2008). *Hati Budi Melayu. Pengukuhan menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Musanif, A. M. (2007). *Kesopanan dalam Perbualan Mengikut Budaya Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa, M. S. (2010). The Interpretation of Implicature: A Comparative Study between Implicature in Linguistics and Journalism. *Journal of Language Teaching and Research*, 1(1), 35-43.
- Nalliah, M., Osman, S. (2007). Kelemahan Lazim Dalam Persembahan Kerangka Teoretis-Konsepsi Dalam Tesis Sarjana Dan Kedoktoran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 22(1), 127–132.
- Nasir, F., Shahidin, R. L. & Shamsudin, F. (2014). *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Selangor : Penerbitan Multimedia.Sdn. Bhd.
- Omar, A. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (1991) *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Omar, A. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, M. (2004). *Kemahiran Berfikir* : Kuala Lumpur :INTAN
- Osman, M. & Jalaluddin, N. H (2013). Pemetaforaan Mitos: Kebijaksanaan Melayu Tradisional Memahami Khalayak dlm Norhashimah Jalaluddin (peny) *Keintelektualan dan Kepengarangan Dalam Teks Tradisional*. Bangi: Penerbit UKM.
- Othman, N. & Khairollah, S. (2013) Eksplorasi hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought*. 4(2), 22-30.
- Putranti, A. (2007). *Kajian Terjemahan Tindak ilokusi Ekspresif dalam Teks Terjemahan Film ``American Beauty``*. Univesity Sebelas Maret Surakarta. Tesis Sarjana S2
- Rahardjo, B. P . (2008) . “*Implikatur Tuturan Humor Politik dalam Acara News Dot ComDi Metro TV: Pendekatan Pragmatik*”. Universitas Sebelas Maret :Tesis Sarjana S2.
- Raja Mohamad, R. S. & Zainon Hamzah, Z. A. (2015). Penggunaan Implikatur sebagai Medium Penjelasan Akidah. *Jurnal Linguistik*, 19(2), 001-009.
- Rashidin, R. (2015). Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 29-47.
- Razali, N. H. & Abd Rahim, N. (2016). Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik. *Journal of Business and Social Development*, 4(1), 55-64.
- Ridhwan, A. (2014, Jun 23). Bacaan Digital Kini Pilihan Generasi Muda. Kuala Lumpur: *Berita Harian*. ms. 12
- Ronald, R. J. (2010). The Interpretation of Indirect Speech Acts in Relevance Theory. *The Journal of Linguistic and Intercultural Education*, 3(1), 7-26.
- Saad, S. & Raja Ariffin, R. M. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 01, 65–75.
- Saldana, J. (2009). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. Los Angeles, CA: Sage,
- Salleh, M. (2005). *Pengalaman Puisi (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, M. R. (1999). *Peribahasa dalam Masyarakat Melayu Satu Analisis Pemikiran*

- dan Cerminan Falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Salleh, M. (2005). *Pengalaman Puisi* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, N. (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan Dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi*. 30(edisi khas), 177-190.
- Sani, N. & Din, H. F. (2014) Kesantunan Masyarakat Malaysia. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Sarif, H. (2010). *Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari Sudut Pragmatik*. Universiti Putra Malaysia. Tesis Ph.D.
- Sariyan, A. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sariyan, A. (2009). Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sariyan, A. & Ahmad, M. T. (2007). Peranan Sastera dalam Pembinaan dan Penyatuan Bahasa Melayu. *Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu I-IV (1952-2002)*. Dewan Bahasa dan Pustaka. 10-12 Disember.
- Sarji, A. (2004). *Hang Tuah Tokoh Epik Nasional*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Sauerland, U. (2010). Embedded Implicatures and Experimental Constraints: A Reply to Geurts & Pouscoulous and Chemla. *Journal Semantics & Pragmatics*. 3(2)1–13.
- Searle, J. (1979). *Expression of Meaning: Studies in the Theory of Speech Act*. Cambridge: Cambridge University Press
- Searle, J. R., Kiefer, F. & Bierwisch, M. (1980). *Speech Act Theory and Pragmatic*. Holand: D. Reidel Publishing Company.
- Sigian, H. F., Abdullah, M. Y., Mustafa, N. & Ahmad, F. (2014). Bentuk Komunikasi Penyerta Ulamak Selaku Pemimimpin Pendapat Dalam Menyokong Pembangunan Nasional, Di Provisi Sulawesi Selatan. *Jurnal Komunikasi*, 30 (edisi khas) 75-94 http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2014/V30_s_5.pdf (dicapai pada 10 Oktober 2015)
- Silverman, D. (2010). *Doing Qualitative Research*. Clive Seal: Sage Publications Ltd.
- Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, collocation: Describing English language*. Oxford:Oxford University Press.
- Siregar, A.S. (2000). *Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur*. dlm. Harahap, D. &

- Anuar, A.J. Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Pemikiran dan Melayu/Indonesia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smithsonian (2015, Ogos 2). Sindiran Jadikan Seseorang Lebih Bijak. *Berita Harian*. ms.14.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication & cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2002). Pragmatics, modularity and mind-reading. *Mind & Language*, 17. 3-23.
- Subet, M. F. (1999). *Implikatur Dalam Pantun Melayu Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Subet, M, F. (2010). *Interpretasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Doktor Falsafah.
- Subet, M. F. (2012). Teori Relevans dalam Personifikasi. dlm. Mohamed, F., Sultan, M., Mat Awal, N. & Radzi, H. (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. ms. 207-223.
- Subet, M. F. (2015). Sajak Pelacur Tua: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 113-142.
- Sujud, A. (2013). Seni berbahasa dalam Sulalatus Salatin. Seminar 400 tahun Sulalatus Salatin 29-30 Oktober 2013, Dewan Dato Hassan Ahmad, Anjuran Bahagian Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.
- Sujud, A. (1999). Esetika dalam lirik lagu-lagu Nyanyian P. Ramlee. Universiti Putra Malaysia Tesis Sarjana:
- Syed Abdullah, S. N. (2015). *Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu*. Universiti Malaya: Tesis Ph.D.
- Syed Zakaria, S. A. (2005). *Panduan Dan Strategi Motivasi Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Tan, M. L. (1994). *Implikatur Perbualan: Satu Analisis di dalam Pertuturan*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Taslim, N. (2010). *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction. An Introduction to Pragmatics*. New York: Routledge.
- Verschueren, J. (1999). *Understanding Pragmatics*. London: Arnold.
- Vivanco, V. (2006). Implicatures And Explicatures In English And Spanish Commercial Messages: Pragmatic Level Versus Semantic Level. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 6(2), 31-47.
- Widang I, & Fridlund, B. (2003). Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients. *Journal of Advanced Nursing*, 42 (1), 47-57.
- Wong, S. H. (2013). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63.
- Wong, S. H. (2014). Ungkapan Implisit Dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 219-237.
- Wong, S. H. (2014). Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 60-92.
- Wright, (2008). Implicature, Pragmatics, and Documentation: a Comparative Study. *Journal of Technical Writing and Communication*, 38(1), 27-51.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yusof, M. (2007). Pragmatik. dlm. Hamid, Z., Md Salleh, R. dan Aman, R. (Edisi kedua). *Linguistik Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. ms. 197-215.
- Za'ba (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahid, I. (2012). Kesantunan Melayu ke arah Situasi Bebas Konflik. dlm. Maros, M., Jaafar, M. F. & Yusof, M. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms 170-189.
- Zainun Hamzah, Z. A. (2005). Bahasa, Konteks Dan Pemikiran Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik, *Jurnal Bahasa*, 2(5), 135-153.
- Zainon Hamzah, Z. A. (2006). *Memahami Peraturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zainon Hamzah, Z. A. & Mat Hassan, A. F. (2011). Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31-49.

- Zainon Hamzah, Z. A., Mat Hassan, A. F. & Md Adama, M. N. H. (2011). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah Toomey. *Jurnal bahasa*, 11(2), 321-338.
- Zainon Hamzah, Z. A dan Mat Hassan, A. F. (2012). Penggunaan strategi Ketidaksantunan Dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik*, 16(2). 62-73.